

#USIM20tahun
Berjasa, Berbudi
untuk Semua

MAJLIS
KONVOKESYEN
Convocation Ceremony ke-
حفل التخرج

UNIVERSITI
SAINS ISLAM MALAYSIA
6-18 April 2021
(24 Syaaban-6 Ramadan 1442H)

18



BULETIN HEPA 2020

Edisi Khas Sempena Majlis Konvokesyen ke-18



Pemilihan
MAJLIS PERWAKILAN
PELAJAR
(MPP) 2020
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)
26 NOVEMBER 2020 (MIS)



Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia



Dato Dr Noraini Ahmad ✓

462 Tweets

Follow



Dato Dr Noraini Ahmad ✓ @DrNorainiAhmad · 25 Apr 2020

Terima kasih @usim bantu permudahkan urusan anak-anak pelajar yang terkandas.



SIDANG REDAKSI

Penaung

Profesor Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin

Penasihat

Profesor Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani

Ketua Editor

Md. Ishah Rahman

Editor/Wartawan

Masni Md Hasim
Fadhilah Othman
Nur Farhana Sulaiman
Mohd Fazhiruddin Kamaruddin
Khairunnisa Ismail
Sharrazmi Anas
Adika Hakmi Ab Ghani
Tuan Mohd Ameer Tuan Ismail
Noor Syahieda Husra Hussin

Penerbitan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

INISIATIF USIM DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL PELAJAR SEMASA COVID-19

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sentiasa bersama kerajaan dalam usaha membendung penularan Covid-19 yang kini telah memasuki tahun kedua penularan wabak. Bermula dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan pada 18 Mac 2020, pelbagai tindakan proaktif telah dilaksanakan oleh Pengurusan Universiti khususnya pusat tanggungjawab di bawah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang memikul peranan dan tanggungjawab yang lebih besar dalam mengatur dan menjalankan perihal kebajikan pelajar dengan lebih terancang.



Sejajar dengan keperluan semasa, USIM sentiasa menyusun perancangan yang rapi bagi memastikan kebajikan pelajar yang merupakan *stakeholder* USIM seterusnya keselamatan warga USIM terjamin. Pengurusan Universiti sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menyediakan inisiatif yang bersesuaian dalam menghadapi cabaran suasana norma baharu ini.

Pengumpulan Maklumat dan Data Pelajar

Pihak USIM prihatin dengan keperluan dan sokongan yang kuat daripada segi emosi dan saya sering mengingatkan *team* saya bahawa kita juga merupakan barisan hadapan di universiti. Tugas kita bukan sekadar membantu dan menyelaras namun kita perlu menjaga adik atau anak-anak yang jauh dari ibu bapa. Ini merupakan tanggungjawab kolektif. Bagi memastikan pelan dan tindakan membantu pelajar yang terkandas dan memerlukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah membuat tinjauan bagi mengenal pasti jumlah dan lokasi pelajar yang ingin pulang ke kampung atau yang ingin terus menginap di kampus. Bagi mencapai apa yang dihasratkan,

sebuah kumpulan telah diwujudkan khusus bertujuan memantau dan mengemaskini data bagi keperluan semasa dan pelaporan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) secara berkala. Perancangan dan tindakan yang dilaksanakan melibatkan BHEP sebagai tunjang utama dan kerjasama padu daripada felo kolej kediaman, Pusat Kesihatan (PKU), Pusat Perumahan Pelajar (PRUPEL) dan bilik Gerakan COVID-19 yang diselaraskan oleh PKU.

OPS Hantar Pulang Pelajar

Salah satu tugas yang mencabar dalam pengurusan pelajar semasa Covid-19 ini ialah Operasi Hantar Pulang Pelajar ke kampung halaman masing-masing. OPS Hantar Pulang telah dijalankan selama 2 minggu mulai 30 April hingga 12 Mei 2020 ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Operasi ini melibatkan seramai 1,279 pelajar iaitu 981 pelajar USIM dan 298 pelajar luar USIM (terdiri daripada universiti awam dan swasta di sekitar Negeri Sembilan).



Operasi ini telah memberi pendedahan dan pengalaman baharu yang tidak dapat dilupakan kepada petugas dan kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Pelbagai dugaan dan cabaran diharungi bagi memastikan operasi ini berjaya dan dapat dimanfaatkan oleh pelajar yang terkandas di kampus.

Tabung COVID-19 USIM dan Bantuan Kewangan Kepada Pelajar

USIM telah menubuhkan tabung COVID-19 USIM di bawah seliaan Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) dan melalui sumbangan tersebut, bantuan telah disalurkan kepada pelajar yang terkandas dan pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri di Universiti Malaysia Sabah. Tabung ini juga telah digunakan untuk membeli sumber makanan kepada pelajar.

Selain itu, kita sedia maklum bahawa terdapat pelajar yang menghadapi kekangan terutama kemudahan internet dan membataskan mereka mengikuti kelas secara dalam talian dan sebagainya. Seajar dengan keperluan tersebut, pihak USIM telah menyalurkan bantuan pelan data dalam bentuk wang tunai. Bantuan pelan data ini telah disalurkan sebanyak tiga (3) kali kepada pelajar Tamhidi dan Sarjana Muda daripada kategori pendapatan isi rumah RM4,360 dan ke bawah (B40).

BHEP juga telah menyediakan perkhidmatan secara dalam talian (melalui emel) kepada pelajar untuk membuat permohonan

- sumbangan kebajikan,
- pinjaman kecemasan, dan
- permohonan tuntutan insurans/ takaful.

Pelajar tidak perlu hadir secara fizikal ke kampus namun perkhidmatan tersebut tetap dijalankan walaupun kekangan yang dihadapi tidak membataskan perkhidmatan kebajikan terhadap pelajar disalurkan. Pihak USIM cuba memudahkan urusan para pelajar agar tiada yang berasa tercicir dan tidak dipedulikan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui *Food Bank* Siswa Universiti pula telah menyalurkan bantuan zakat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada 200 orang pelajar USIM daripada golongan pelajar B40 bagi tujuan membantu pelajar meneruskan kelangsungan hidup semasa tempoh pandemik COVID-19 berjumlah RM100,000.00. USIM amat berterima kasih dan menghargai sumbangan yang telah diberikan kepada pelajar untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Sumbangan Ready-To-Eat Food dan Dry Food kepada Pelajar Terkandas

Pelajar yang terkandas atau yang berada di kampus telah mendapat agihan makanan kering mengikut fasa daripada pihak PRUPEL di kolej-kolej kediaman di Kampus Nilai dan Pandan Indah. Pengagihan sumbangan ini diberi kepada pelajar tempatan dan antarabangsa yang dibuat secara terus ke kolej kediaman. Bagi pelajar yang menginap di luar kampus,



pengagihan makanan telah dipusatkan di bilik Gerakan *Out Campus Student Secretariat* (OCSS). Selain itu, penghantaran makanan juga dibuat oleh staf PRUPEL dengan bantuan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Siswa/i Asrama (JAKSA) dan USIM 'Alamiyyah ke lokasi tertentu bagi pelajar luar kampus yang tidak dapat hadir ke pusat agihan makanan.



USIM juga amat bertuah kerana dikelilingi oleh masyarakat dan penduduk yang prihatin akan isu yang sedang melanda negara. Sejumlah RM21,691.40 telah diterima dalam bentuk sumbangan makanan daripada pelbagai pihak termasuk Bank Muamalat, MyFund Action, Food Bank Siswa USIM, Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) dan sumbangan individu.

Taaruf Tamhidi Dan Sarjana Muda Secara Maya

Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan taaruf pelajar baharu secara dalam talian bagi kemasukan pelajar Tamhidi pada 3 hingga 8 Ogos 2020 dan pelajar Sarjana Muda pada 12 hingga 16 Oktober 2020 bagi Sesi Akademik 2020/2021. Mekanisme ini dilihat wajar dan memberi peluang kepada mereka untuk merasai suasana kampus dan mendaftar sebagai pelajar universiti juga merupakan satu penghormatan kepada mereka dalam menunaikan hasrat keluarga.



Pilihanraya Kampus Secara Dalam Talian

Pada 26 November 2020 USIM telah melakarkan sejarahnya melalui sesi pilihanraya kampus yang dijalankan secara eUNDI dalam talian bagi tujuan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar 2020. Pemilihan ini diadakan buat julung kalinya secara dalam talian bagi memberi peluang kepada pelajar yang berada di rumah menunaikan tanggungjawab mereka memilih.

Penganjuran Program Sepanjang COVID19

Walaupun berada dalam cabaran pandemik ini, Alhamdulillah program-program pembangunan pelajar dan pembinaan identiti (*sakhsiyah wa mutadayyin*), wacana intelektual, program kesukarelawan, pembudayaan kitab turath melalui liqa masih diteruskan. Perkhidmatan kaunseling secara dalam talian juga dijalankan bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah menyesuaikan diri untuk belajar dalam talian, pengurusan tekanan semasa berada di rumah, pengurusan masa, isu kewangan dan lain-lain. Sempat juga saya terlibat dalam beberapa siri program bersama pusat kebudayaan, pusat keusahawanan dan pusat alumni. Terima kasih kepada semua, khususnya pihak BHEP, PTJ di bawah HEPA, persatuan pelajar dan khususnya MPP yang telah berjaya melaksanakan pelbagai program dengan menggunakan platform maya dan kebiasaan baharu. Saya amat teruja dan kagum dengan kreativiti pelajar dalam menjalankan aktiviti secara dalam talian.

Kita Masih Belum Menang

Saya selalu berpesan kepada warga USIM khususnya pelajar agar sentiasa peka akan keadaan sekeliling, jaga diri dan keluarga serta bersabar dengan dugaan yang sedang melanda seluruh dunia pada masa ini. Kita harus bersyukur nikmat ALLAH SWT yang memberi peluang untuk kita menjalankan tanggungjawab dan menunaikan amanah sebagai insan yang berilmu dan berbudi pekerti. Saya juga yakin bahawa pelajar-pelajar sekalian semakin beradaptasi dengan norma kini, bersedia menerima keadaan baharu dan berilah sokongan, kerjasama dan sentiasa proaktif mengikuti aktiviti pembelajaran secara dalam talian. Kita harus memahami rutin kehidupan yang sudah berubah.



Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar 2020 telah dilaksanakan pada 26 November 2020 (Khamis) buat pertama kalinya secara dalam talian menggunakan sistem eUNDI melalui peranti termasuk telefon pintar, tablet dan komputer riba. Sistem ini telah dibangunkan oleh Pusat Pembangunan Sistem dan Kejuruteraan (SDEC) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Proses pemilihan tersebut keseluruhannya dikawal selia melalui penguatkuasaan Peraturan-peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2011 (Pindaan 2020) dan Tatacara Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (pindaan 2020) sebagaimana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti. Peratusan turun mengundi sejurus sistem eUNDI ditutup pada jam 6.00 petang direkodkan pada 89.79%.

Tahun 2021 pasti ada cabarannya yang tersendiri. Walau bagaimanapun saya ingin mengajak semua untuk terus berfikir positif, kuatkan semangat dan melihat ruang serta peluang yang ada dalam berhadapan dengan cabaran COVID-19 ini. Para pelajar mesti terus merancang program-program yang berimpak tinggi dan mampu mentransformasikan mereka. Para pelajar perlu melihat apakah persiapan ilmu atau kemahiran teknologi yang harus dikuasai ketika ini dalam era pasca COVID-19 nanti.

Akhir kata, sama-sama kita berdoa agar pandemik ini berlalu pergi dan sentiasa mematuhi SOP, agar kita dapat menikmati hidup yang harmoni dan saling bekerjasama.



NUR AIN HANNANI HAMID

BIOGRAFI

Nur Ain Hannani Binti Hamid merupakan Penerima Anugerah Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) Majlis Konvokesyen kali ke-18 Universiti Sains Islam Malaysia. Merupakan graduan Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian Dalam Bidang Bioteknologi Makanan. Dilahirkan di Machang, Kelantan pada 8 Oktober 1997 dan beliau merupakan anak kedua daripada lima orang adik-beradik. Beliau gemar melayari internet dan membuat kek dan pastri pada masa lapang.

Beliau turut bergiat aktif dalam badan pelajar dengan memegang beberapa jawatan penting sepanjang pengajiannya. Beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Persatuan Pelajar Bioteknologi Makanan ketika di tahun dua dan memegang beberapa jawatan penting dalam organisasi tersebut pada tahun-tahun berikutnya. Selain itu, beliau turut bergiat aktif dalam bidang sukan futsal. Malah beliau merupakan atlit futsal mewakili FST dalam Sukan Fakulti peringkat USIM pada tahun 2017 dan 2018. Tidak terhenti disitu, beliau turut bergiat aktif dalam *Hafiz Mujtama'ul Club*. Sebuah kelab khusus untuk para penghafaz keseluruhan 30 Juz Al-Quran.

'Semoga Allah reda' motto hidup yang dipegang oleh dirinya selama ini merupakan penguat semangat untuk dirinya terus cecal dan mengecapi kejayaan tanpa henti sehingga ke hari ini. Anak muda ini turut mempunyai impian

untuk menjadi seorang pensyarah universiti dan ahli dalam *International Union of Food And Science* serta bercita-cita untuk menjadi usahawan berjaya dalam industri makanan dan minuman. Menurut Ain, resepi kejayaannya pada hari ini adalah kerana dirinya tidak membandingkan diri dengan orang lain. "Jangan selalu membandingkan diri kita dengan yang lain, tidak ada istilah perbandingan antara bulan dan matahari, mereka bersinar sesuai dengan waktunya. *Every heart will get, what it prays for the most, speak to Allah. Ask Him.*"



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kini : Sarjana (*Biology System Science*) Graduate School of Comprehensive Scientific Research, Prefectural University of Hiroshima
- 2016-2020 : Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) Fakulti Sains Dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia
- 2019-2020 : Tamhidi Sains Dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia
- 2010-2014 : Sijil Pelajaran Malaysia, Maahad Tahfiz Negeri Pahang

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN

Sains pemakanan

- Program Pertukaran Pelajar Antarabangsa, 2020, Graduate School of Comprehensive Scientific Research, Prefectural University of Hiroshima
- *Melaka International Exposition, Innovation Category, National Level, Tempat Ketiga*
- *Food Product Development*, Universiti Sains Islam Malaysia, Juara

Kesukarelawananan

- Kembara *Global Islamic Student Outreach (GISO)* Ke Cambodia
- Kembara *Global Islamic Student Outreach (GISO)* Ke Surabaya



Debat dan Pidato

- Qatar Foundation Asian Arabic Debate, 2020
- Sunan Kalijaga Arabic Debate Festival, 2019 & 2018
- IIUM International Open Debate Championship, 2019 & 2017
- 3rd Arabic Debating Championship Yogyakarta, Indonesia, 2019
- Festival Jazirah Arab UIN Maulana Malik Ibrahim, 2019
- 2nd Arabic Debating Championship Yogyakarta, Indonesia, 2018
- Qatar World Foundation Arabic Day, 2017
- Ihtifal IPT Asean, 2017
- Debat Piala Naib Canselor USIM, 2017
- Debat Persahabatan Sempena Rehlah Debat Bahasa Arab, 2016
- Intrafast Debate, 2016
- Pertandingan Pidato Dwibahasa Sempena Gema Bahasa, 2016



Seminar

- Good Manufacturing Practice (GMO) For Food, 2019, MS 1514: 2009
- Hazard Analysis and Critical Control Point (HCCP), 2019, MS 1480
- Halal Assurance System (HAS), 2019
- Karnival Minda Sihat Rakyat Sejahtera, 2019

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Pencapaian Akademik

- Scholarship of Japanese Government, 2020 Ministry of Education, Culture, Sport, Science And Technology, Government of Japan (MEXT Scholarship)
- Anugerah Dekan Sesi Akademik 2019/2020 (Semester 2)-CGPA 4.00
- Anugerah Dekan Sesi Akademik 2019/2019 (Semester 1)-CGPA 3.63
- Anugerah Dekan Sesi Akademik 2018/2019 (Semester 2)-CGPA 3.95
- Anugerah Dekan Sesi Akademik 2018/2019 (Semester 1)-CGPA 3.71
- Anugerah Dekan Sesi Akademik 2017/2018 (Semester 2)-CGPA 3.81
- Anugerah Dekan Sesi Akademik 2017/2018 (Semester 1)-CGPA 3.96
- Anugerah Dekan Sesi Akademik 2016/2017 (Semester 1)-CGPA 3.75

Pencapaian Ko-Kurikulum

- Penghargaan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), 2019 Universiti Sains Islam Malaysia
- Anugerah Khas Pencapaian Siswa, 2018 & 2019, Anugerah Kecemerlangan Siswa (AKSIS)
- Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, 2018, Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan
- Penghargaan Naib Canselor, 2018, Universiti Sains Islam Malaysia

TRIVIA

- Merupakan seorang *hafizah* dan menghafal 30 Juz Al-Quran
- TOFEL : 94/120
- Menduduki tangga ke 28 daripada 90 orang Pendebat Terbaik Bahasa Arab Peringkat Antarabangsa (Asia) tahun 2020
- Merupakan pelajar antarabangsa termuda yang diterima sebagai pelajar Sarjana di *Perfectural University of Hiroshima*, Kampus Shobara, Jepun.
- Bapanya merupakan salah seorang Pakar Urologi di Malaysia.
- Seorang atlet sukan futsal



Berjasa Berbudi Untuk Semua: Misi Saya

"Saya berharap untuk menjadi insan keluaran USIM yang mampu berbakti kepada masyarakat dan mendatangkan manfaat kepada semua. Cita-cita saya adalah ingin memperkasakan industri halal ke serata dunia agar seluruh masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa dapat menerima manfaat daripada sumber makanan halal. Alangkah seronoknya kita khususnya Muslim kerana mampu pergi ke serata dunia tanpa risau status halal sesuatu makanan".



WAN IRA IZYAN WAN IZANI

BIOGRAFI

Wan Ira Izyan Binti Wan Izani merupakan salah seorang penerima Anugerah Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) Majlis Konvokesyen kali ke-18 Universiti Sains Islam Malaysia. Merupakan graduan Sarjana Muda Perubatan dan Bedah dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Dilahirkan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 6 November 15 dan kemudiannya dibesarkan di Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak ketiga daripada tujuh orang adik-beradik. Pemilik bintang *Scorpio* ini gemar mencuba resepi baru dan menonton televisyen pada masa lapang.

Izyan bergiat aktif dalam kegiatan badan pelajar dengan memegang beberapa jawatan penting sepanjang pengajiannya. Antaranya beliau pernah menyandang jawatan Pengerusi di dalam *One Health Student Club*, Ketua Biro Akademik, *Medical Health Student Club*, Ketua Exco Akademik, *Malaysian's Surgical Student Society* dan Pengarah Program Kesukarelawanan dan Khidmat Komuniti Bersama Penduduk Orang Asli Cameron Highland.



Tidak ketinggalan dalam bidang sukan. Beliau juga merupakan atlet sukan futsal dan pernah mewakili fakultinya dalam Kejohanan Sukan Fakulti (SUFA) di peringkat USIM.

"Consciousness of Allah is what helps us to handle stress and success. You are exactly where you need to be, Allah is never a second too late or too early, so trust Him, just focus on your Deen, work hard and everything will fall into place in shaa Allah".

Menurut Izyan, itulah motto kehidupan yang dipegangnya selama ini. Anak muda ini turut mempunyai impian untuk menjadi seorang pakar bedah hidung, telinga dan tekak suatu hari nanti. Menurut Izyan, resepi kejayaannya hari ini datang daripada tiga perkara. Rancang, usaha dan tawakkal. *"Set a goal, plan your way towards it and commit to it. Miracle is another name for effort, so work hard to achieve your dreams! Sentiasa bersangka baik dengan Allah dan jangan pernah mengalah".*



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- 2014-2020 : Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Bedah dan Surgeri Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia
- 2013-2014 : Tamhidi Perubatan Universiti Sains Islam Malaysia
- 2008-2012 : Sijil Pelajaran Malaysia
- Sekolah Menengah Islam Al-Amin, Gombak

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN

Seminar dan Persidangan

- Oral Presenter International Congress on One Health, 2019
- Oral Presenter 3rd International Health Conference USIM, 2018 Oral Presenter 10th Medical Undergraduates' Annual Scientific Research Meeting UKM

Kesukarelawanan

- Training on Wildlife Zoonoses in Tropical Ecosystem Health, 2016 Malaysia one health university Network (MyOHUN)

- *Community Education and Field Training on Disease Transmission, 2018 Malaysia one health university Network (MyOHUN)*
- *Community Outreach Kampung Orang Asli Rening Cameron Highland, 2018 Malaysia one health university Network (MyOHUN)*
- *Charity Clinic Volunteer IMAM Response and Relief Team (IMARET)*



- Naib Johan *Code Red Disaster Management Competition USM, 2019*
- *Finalist 7th National Medical Student Basic Surgical Skills Competition, 2019*
- Tempat Ketiga *Medinova USIM, 2019*
- Calon Penerima Anugerah kategori Anugerah Pemimpin Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Anugerah Kecemerlangan Siswa (AKSIS) 2018
- Tempat Ketiga *Sukan Antara Fakulti (SUFA) dalam Acara Futsal, 2018*
- Tempat Ketiga *Pathology and Microbiology Quiz UniKL, 2017*
- Johan *Intervarsity Medical Quiz Challenge UKM, 2017*
- Johan *Intervarsity Medical Olympiad UiTM, 2017*
- Naib Johan *Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM, 2016*
- *Silver Medal in 6th Exposition on Islamic Innovation (I-INOVA), 2015*

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Pencapaian Akademik

- Anugerah Dekan Peperiksaan Profesional Akhir Sesi 2019/2020 (*Top 3*)
- Anugerah Dekan Peperiksaan Profesional Kedua Sesi 2016/2017 (*Top 3*)
- Anugerah Dekan Peperiksaan Profesional Pertama Sesi 2015/2016 (*Top 3*)
- Anugerah Pengarah Tamhidi Sesi 2013/2014

Pencapaian Ko-kurikulum

- *Gold award and best MOOC in Social Science and Humanities Category (The Virtual National e-Content Development Competition 2020)*



TRIVIA

- Seorang yang sentimental
- Seorang yang suka bersaing
- Atlet sukan futsal dan bola jaring
- Pandai melukis kartun dan *doodling*

Berjasa Berbudi Untuk Semua: Misi Saya

"Menjadi seorang pelajar perubatan, saya sering diingatkan oleh pensyarah saya tentang pentingnya kita untuk sentiasa "*give back to the community*". Jadi saya dan rakan-rakan cuba untuk selalu menyertai program-program kesukarelawanan di hujung minggu seperti *charity clinic*, saringan kesihatan percuma dan sebagainya. Dan saya percaya, ini tidak terbatas kepada kursus perubatan sahaja, malah semua profesion mempunyai platform masing-masing untuk berbakti kepada komuniti. Saya berharap kita semua berusaha untuk menjadi versi terbaik diri kita dan sentiasa cuba untuk menyumbang kepada masyarakat tak kira kecil atau besar.

Dan untuk saya dan rakan-rakan saya terutamanya, kami akan sentiasa berusaha untuk menjadi doktor muslim yang profesional dan mengharumkan nama USIM di persada dunia".

ALUMNI MENEMPA NAMA DALAM BIDANG FESYEN


Faid bin Zulkifli, alumni USIM lepasan Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, kini sedang menyambung belajar di peringkat Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di USIM.

Mengimbu zaman beliau bergelar pelajar di USIM, beliau merupakan seorang pelajar sangat aktif. Beliau merupakan Exco Pembangunan Sahsiah dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018, Jawatankuasa Siswa-Siswi Kolej Kediaman Nilam Court Sesi 2016 – 2018, Exco Publisiti dan Multimedia Sekretariat Quran dan Sunnah (SQS) dan ahli Future Muslim Leaders (FML).

Selain itu, Faid juga sangat aktif di pentas pertandingan dengan menjadi Johan Pentas Dai'e Karnival Dakwah Masjid 2018 dan menjadi Pembentang di "Qalb Leadership Symposium" di Fakulti Pendidikan Universiti Negeri Padang, Indonesia serta menjadi salah seorang pembentang di *7th International Prophetic Conference* (Swan 2020) anjuran Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Banyak kejayaan telah dicipta sepanjang bergelar pelajar USIM. Beliau juga telah mengikuti program GISO ke beberapa negara seperti Korea, Australia, Indonesia dan jelajah sekitar Balkan seperti Turki, Bosnia dan Croatia. Beliau juga menjalani latihan industri di Hayrat Foundation yang bertempat di Turki.

Beliau kini merupakan Pengasas Syarikat Faid Zulkifli Empire dengan jenama Fa'eedz Fashion yang memfokuskan kepada pakaian muslim dan muslimah. Beliau memulakan perniagaan pada tahun 2019 dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Ianya dijalankan secara atas talian sepenuhnya. Antara produk beliau ialah baju kurta slimfit, jubah, baju melayu, kurung dewasa dan kanak-kanak, jubah perempuan dan tudung dengan *tagline* "Kualiti Butik, Harga Mampu Milik".



Manakala, Fa'eedz Apparel memfokuskan perkhidmatan mencetak jersi dan sebagainya. Beliau juga bekerjasama dengan jenama Mansoura Exclusive HQ dan beberapa syarikat lain serta mempunyai 110 orang ejen dari seluruh Malaysia yang aktif dalam Fa'eedz Fashion dan Fa'eedz Apparel. Selain itu, beliau mempunyai 10 ribu orang pengikut di Facebook Fa'eedz Fashion. Hasil dari perniagaan ini, beliau berjaya memperolehi pendapatan sebanyak RM10,000 sebulan termasuk hasil dari jualan ejen di seluruh Malaysia. Namun kejayaan yang terbesar pada beliau adalah dapat membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam bidang perniagaan tanpa mengeluarkan sebarang modal.

Apa yang dilakukan oleh beliau adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Kerangka Pembangunan Potensi Sarjana Muda USIM (Model GIINA) serta hasrat pengurusan universiti untuk memperhebatkan budaya prosumerism dalam kalangan warga USIM khususnya alumni.

Sebagai alumni, besar harapan beliau kepada USIM pada masa akan datang agar dapat melahirkan lebih ramai alumni USIM yang dapat berbakti kepada seluruh masyarakat Malaysia ataupun masyarakat dunia. Manakala, harapan kepada pelajar USIM agar berusaha mempelbagaikan kemahiran diri untuk hadapi dunia luar universiti yang lebih mencabar samaada fizikal, kemahiran ataupun mental.

Kalimah "Berjasa, Berbudi Untuk Semua" menjadi pendorong kepada Faid untuk berusaha dalam memastikan kegembiraan para pelanggan beliau di samping memberi peluang kepada mereka yang bekerja untuk berniaga secara sampingan tanpa mengeluarkan sebarang modal.

